

Bilik gerakan banjir dibuka

SEREMBAN – Kerajaan negeri membuka semula Bilik Gerakan Bencana Alam di semua daerah, bagi persediaan menghadapi banjir di negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, pihaknya telah mengarahkan semua daerah bersiap siaga terutamanya di kawasan tradisi banjir.

Katanya, persiapan rapi sudah dilaksanakan bagi menghadapi sebarang kejadian banjir dan bencana alam lain, memandangkan musim tengkujuh akan tiba tidak lama lagi.

“Saya telah mengarahkan semua daerah termasuklah kepada Pengarah Bencana Alam yang dipegang oleh

pegawai daerah untuk bersiap sedia dan membuat persiapan.

“Saya dimaklumkan bekalan dan barang keperluan telah pun tersedia, dan jika berlakunya banjir mahu pun bencana alam, kita berharap dapat menyalurkan bantuan dengan segera,” katanya.

Beliau turut mengingatkan semua unit di kawasan tradisi banjir agar sentiasa berhati-hati dan segera berpindah jika berlaku bencana banjir kilat.

Dalam pada itu, Mohamad juga berharap melalui projek tebatan banjir yang dilakukan di beberapa kawasan daerah negeri ini, diharap dapat mengurangkan kejadian banjir kilat.